

Persoalan mengupah orang lain dalam perkara ibadat

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PENDAHULUAN

ISLAM tidak melarang penganutnya untuk meminta khidmat orang lain bagi membuat sesuatu kerja bagi manfaat atau kepentingan dirinya dengan dibayar upah kepada orang tersebut, asalkan kerja-kerja tersebut termasuk dalam lingkungan perkara-perkara yang diharuskan oleh syarak. Umpamanya mengupah seseorang untuk membersihkan halaman rumah, menghantar barang ke satu tempat, merawat penyakit dan sebagainya.

Upah atau di dalam istilah fiqh dipanggil sebagai *ujrah*, ialah ganjaran yang diberikan kepada seseorang sebagai imbalan terhadap sesuatu kerja yang telah dilakukannya.

Apabila seseorang meminta khidmat kepada seorang yang lain dengan dibayar upah sebagai imbalan kepada khidmat yang telah diberikan, perbuatan meminta khidmat disertai dengan bayaran upah itu dipanggil sebagai *isti'jaar*.

Di dalam Al-Quran al-Kareem, Allah Ta'ala berfirman :

Tafsirnya: "Seorang daripada mereka berkata : "Wahai bapak! Ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik orang yang bapa ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah."

(Surah Al-Qasas, ayat 26)

Hubungan kerja di antara orang yang mengupah (*musta'jir*) dengan orang yang diupah (*ajiir*) dalam konteks ini adalah diikat melalui satu kontrak atau akad yang dipanggil kontrak *ijaarah*. Oleh sebab itu, sebelum orang yang diupah membuat kerja apa yang diminta oleh yang mengupah, persetujuan bersama perlu dicapai, iaitu orang yang diupah bersetuju untuk dibayar dengan jumlah yang tertentu dan di pihak yang mengupah pula bersetuju dengan bentuk khidmat yang akan dibuat oleh orang yang diupah. Apabila persetujuan bersama dicapai, maka termeterailah satu kontrak *ijaarah*.

Contoh kontrak *ijaarah* dalam konteks ini :

- Orang yang mengupah berkata : "Saya minta khidmat tuan untuk membersihkan halaman rumah saya dengan upah bayaran sebanyak \$50/=."

TIDAK sah bagi seseorang meminta khidmat orang lain untuk melaksanakan ibadat puasanya, ataupun seseorang tampil menawarkan diri sendiri untuk melaksanakan ibadat puasa orang lain dengan dibayar imbalan upah.

- Orang yang diupah berkata : "Saya setuju."

Itu perihal mengupah orang lain dalam perkara yang diharuskan syarak. Bagaimana pula dengan perihal mengupah orang lain dalam perkara ibadat, sama ada ibadat fardu ain, ibadat sunat ataupun fardu kifayah?

Sebagai contoh :

- (A) berkata kepada (B) : "Saya minta khidmat tuan untuk menghajikan bapa saya yang meninggal dunia dengan upah bayaran sebanyak \$2,000/=."

- (B) berkata kepada (A) : "Saya setuju."

Parameter Syarak Dalam isti'jaar

Sebelum dihuraikan jawapan bagi persoalan di atas elok disebutkan di sini mengenai satu parameter syarak yang membatasi perkara tersebut. Imam al-Khatib asy-Syirbini *Rahimahullahu Ta'ala* menyebutkan parameter berkenaan dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* dengan menyatakan :

Ertinya : "Setiap ibadat yang perlaksanaannya dibenarkan oleh syarak untuk diwakilkan kepada orang lain, adalah dibenarkan juga untuk mengupahnya bagi melaksanakan ibadat tersebut. Sebaliknya setiap ibadat yang perlaksanaannya tidak dibenarkan oleh syarak untuk diwakilkan kepada orang lain, adalah tidak dibenarkan juga untuk mengupahnya bagi melaksanakan ibadat tersebut."

Mengupah Orang Lain Untuk Melaksanakan Ibadat Fardu Ain

1. Mengupah Orang Lain Untuk Melaksanakan Ibadat Sembahyang

Ibadat sembahyang sama ada sembahyang fardu ataupun sembahyang sunat merupakan ibadat *badaniyyah* (ibadat yang mesti dilaksanakan dengan tubuh badan semata-mata) yang tidak boleh diwakilkan kepada orang lain untuk melaksanakannya. Oleh itu, tidak sah bagi seseorang meminta khidmat orang lain untuk melaksanakan ibadat sembahyangnya, ataupun seseorang tampil menawarkan diri sendiri untuk melaksanakan ibadat sembahyang orang lain dengan dibayar imbalan upah.

Ini kerana tujuan ibadah *badaniyyah* disyariatkan adalah sebagai ujian atau dugaan

kepada yang empunya badan yang mesti dilaksanakan dengan usaha dirinya dan perkara itu tidak akan terhasil jika dilaksanakan oleh orang lain.

2. Mengupah Orang Lain Untuk Melaksanakan Ibadat Puasa

Ibadat puasa juga merupakan ibadat *badaniyyah*. Menurut para ulama, bagi orang yang masih hidup tidak boleh mewakilkan kepada orang lain untuk melaksanakan ibadat puasanya. Oleh itu, tidak sah bagi seseorang meminta khidmat orang lain untuk melaksanakan ibadat puasanya, ataupun seseorang tampil menawarkan diri sendiri untuk melaksanakan ibadat puasa orang lain dengan dibayar imbalan upah.

Alasannya juga sama seperti ibadat sembahyang di atas, iaitu ibadat puasa disyariatkan adalah sebagai ujian atau dugaan kepada yang empunya badan dari ibadat tersebut mesti dilaksanakan dengan usaha dirinya. Perkara itu tidak akan terhasil jika dilaksanakan oleh orang lain.

Manakala bagi orang yang sudah meninggal dunia, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* bahawa pendapat yang sahih dan terpilih dalam perkara ini ialah sunat bagi wali si mati untuk melaksanakan qadha puasa bagi pihak si mati.

Ketetapan hukum ini adalah berdasarkan beberapa hadis yang sahih, antaranya hadis riwayat Ibnu 'Abbas *Radhiallahuanhuma*, beliau berkata :

Maksudnya : "Sesungguhnya seorang perempuan telah datang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu berkata: "Sesungguhnya emak saya telah meninggal dunia dan dia mempunyai qadha puasa sebulan." Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Apa pendapat awak jika sekiranya dia mempunyai hutang, adakah awak akan melunaskannya?" Perempuan tersebut berkata : "Ya." Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Maka, hutang kepada Allah adalah lebih berhak lagi untuk dilunaskan."

(Hadis riwayat Muslim)

Selain wali, qadha puasa si mati boleh juga dilaksanakan oleh orang lain (orang asing) jika ada keizinan daripada pihak wali si mati.

Oleh itu, sah hukumnya jika sekiranya wali si mati meminta khidmat orang lain untuk melaksanakan qadha puasa si mati dengan dibayar upah.

3. Mengupah Orang Lain Untuk Melaksanakan Ibadat Zakat


Ibadat zakat termasuk dalam kategori ibadat *maliyyah* (ibadat yang berkaitan harta). Seseorang yang hendak mengeluarkan zakat boleh dia mengeluarkan (menyerahkan) sendiri zakatnya itu kepada pihak yang berhak menerimanya ataupun berwakil kepada orang lain untuk menyerahkannya kepada yang berhak menerimanya.

Jika dia memilih untuk melantik wakil bagi mengeluarkan (menyerahkan) zakatnya, adalah harus jika dia mahu membayar upah kepada wakil yang dilantik itu sebagai imbalan atas tugas yang dilaksanakan oleh wakil tersebut.

4. Mengupah Orang Lain Untuk Melaksanakan Ibadat Haji

Ibadat fardu haji merupakan ibadat yang memerlukan tenaga dan harta untuk menunaikannya. Sebab itu ia dikatakan sebagai ibadat *badaniyyah* (badan) dan *maliyyah* (harta). Ibadat ini juga tidak boleh diwakilkan kepada orang lain untuk mengerjakannya jika seseorang itu berkuasa atau mempunyai keupayaan untuk melakukannya sendiri.

Namun jika dia tidak berupaya untuk



melaksanakan sendiri ibadat tersebut disebabkan faktor tubuh badan yang sudah uzur dan sebagainya, tetapi mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya jika diwakilkan kepada orang lain, maka pelaksanaannya boleh diwakilkan kepada orang lain.

Ini adalah berdasarkan sebuah hadis sahih daripada 'Abdullah bin 'Abbas *Radhiallahuanhuma*, beliau menceritakan bahawa semasa Haji Wida' seorang wanita daripada Khats'am bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Wahai Rasulullah, sesungguhnya kefarduan Allah ke atas hamba-Nya dalam ibadat haji telah mendapati ayahku yang sudah tua yang tidak dapat duduk tetap di atas kenderaan, apakah aku boleh menghajikannya?" Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab dengan bersabda : "Ya."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Bahkan orang seperti ini jika dia mempunyai harta yang mencukupi untuk mengupah orang lain bagi melaksanakan ibadat fardu haji bagi dirinya hukumnya adalah wajib ke atasnya untuk mengupah orang tersebut. Ini kerana apa yang dikatakan sebagai 'mampu' itu adakalanya mampu dengan melaksanakannya sendiri, adakalanya pula mampu dengan menggunakan harta dan orang seperti ini adalah dikategorikan sebagai orang yang mampu melaksanakannya dengan harta, iaitu dengan mengupah orang lain.

Begitu juga halnya bagi orang yang mampu dan berupaya melaksanakannya sendiri ibadat tersebut, tetapi meninggal dunia sebelum sempat menunaikannya, wajib ke atas ahli waris untuk melaksanakan ibadat haji bagi si mati dengan perbelanjaan yang diambil harta peninggalannya.

Ini adalah berdasarkan riwayat daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahuanhuma* bahawa seorang wanita daripada Juhainah pernah datang kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lalu bertanya :

Maksudnya : "Sesungguhnya emak saya telah bernazar untuk menunaikan haji tetapi belum sempat menunaikannya sehinggalah dia meninggal dunia, adakah aku boleh menghajikannya?" Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Ya, engkau hajikanlah untuk dia. Apa pendapat awak jika sekiranya dia mempunyai hutang, adakah awak akan melunaskannya? Lunaskanlah (hak) Allah, maka (hak) Allah lebih berhak untuk ditunaikan."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Ahli waris boleh menghajikan sendiri bagi pihak si mati ataupun meminta khidmat orang lain dengan dibayar upah untuk menghajikannya. Apabila ahli waris telah sempurna melaksanakan ibadat haji bagi si mati, sama ada mereka lakukannya sendiri atau mengupahkannya kepada orang lain, maka tertunailah tuntutan ibadat haji fardu ke atas si mati.

Akan tetapi jika si mati tidak meninggalkan harta, tidak wajib ke atas ahli waris untuk melaksanakan ibadat haji yang tertanggung ke atas si mati.

Terokai kerjasama dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam

Siaran Akhbar : UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Februari. - Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan delegasi dari Fakultas Ekonomi dan Bisnis, Universiti Islam Bandung (UNISBA), Indonesia.

Rombongan seramai 25 orang tersebut terdiri daripada tujuh orang pensyarah dan 18 orang pelajar yang diketuai oleh Dekan Fakultas Ekonomi dan Bisnis, UNISBA, Yang Terhormat Dr. Atih R Dariah, SE., M. Si.,

Ketibaan delegasi di Kampus UNISSA disambut oleh Dekan FEKIm, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, tenaga akademik fakulti serta pelajar.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mengadakan kolokium dengan pensyarah FEKIm UNISSA bertemakan 'Ekonomi dan Kewangan Islam'.

Sebuah kertas penyelidikan juga telah dibentangkan oleh Pensyarah UNISBA, Yang Terhormat Dr. Tasya Aspiranti, SE., M. Si., dengan tajuk 'The Role of Microfinance to

Eliminate Poverty by Financing Small and Medium Enterprises'.

Selain kolokium, kedua-dua pihak juga telah mengambil kesempatan membincangkan peluang-peluang kerjasama yang boleh dilakukan pada masa akan datang.

Di ruangan yang berasingan pula telah diadakan forum pertandingan karya ilmiah antara mahasiswa dan mahasiswi dari kedua-dua buah fakulti dengan tema yang sama, iaitu 'Ekonomi dan Kewangan Islam'.

Seramai 30 pelajar, iaitu 18 pelajar dari UNISBA dan 12 pelajar dari UNISSA telah mengambil bahagian dalam pembentangan kertas kajian masing-masing secara berkumpulan.

Sesi lawatan berakhir dengan penyampaian cenderahati kepada enam kumpulan pembentangan kertas terbaik yang disampaikan oleh kedua-dua dekan fakulti.

Selain itu, kedua-dua buah fakulti juga telah berkesudian bertukar-tukar cenderahati dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

BERSAMBUNG